

**KEBERKESANAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)  
DAN POLA PENYERTAAN MASYARAKAT:  
KAJIAN PERBANDINGAN DI ANTARA KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR**

**DISEDIAKAN OLEH:  
PROF. MADYA DR. BAHAMAN ABU SAMAH  
DR. JAMILAH OTHMAN  
PN. NURANI KAMARUDDIN  
PN. HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN  
EN. MOHAMAD REZAL HAMZAH**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
TAHUN 2009**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Keberkesanan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Pola Penyertaan Masyarakat: Kajian Perbandingan di antara Kawasan Bandar dan Luar Bandar**

#### **LATARBELAKANG KAJIAN**

1. Kajian Keberkesanan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Pola Penyertaan Masyarakat ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dalam meningkatkan penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti keselamatan komuniti.
2. Kajian ini telah dilaksanakan bermula pada awal bulan Disember 2006 sehingga hujung Jun 2007 oleh pasukan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan mengenal pasti pola penyertaan masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar.

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti pola penyertaan anggota komuniti bandar dan luar bandar dalam Skim Rondaan Sukarela;
2. Mengenal pasti persepsi anggota komuniti bandar dan luar bandar terhadap Skim Rondaan Sukarela;
3. Mengenalpasti tahap pengetahuan anggota komuniti terhadap Skim Rondaan Sukarela;
4. Mernbuat perbandingan keberkesanan dan pola penyertaan Skim Rondaan Sukarela di antara anggota komuniti bandar dan luar bandar; dan
5. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan Skim Rondaan Sukarela.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pernerhatian persekitaran di lapangan telah dibuat mendapatkan gambaran awal berkenaan skim yang mana melibatkan lawatan pemerhatian dan perbincangan bersama pihak Pusat SRS Taman Kajang Mewah.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif melalui survei yang berpandukan borang soal-selidik tadbir sendiri.

Kajian ini telah dijalankan di negeri Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Sebanyak lapan buah pusat SRS telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada dua buah pusat daripada negeri, Selangor, dua buah pusat daripada negeri Pulau Pinang dan empat buah pusat daripada negeri Kelantan. Pemilihan pusat adalah berdasarkan penentuan daripada pihak JPNIN.

Responden kajian terdiri daripada penduduk yang menjadi ahli skim dan juga penduduk setempat yang tidak menyertai aktiviti SRS.

## **PENEMUAN KAJIAN DAN KESIMPULAN**

1. Berdasarkan kepada penemuan kajian, maka dapat disimpulkan bahawa penyertaan masyarakat dalam Skim Rondaan Sukarela ini masih lagi rendah memandangkan hanya sebilangan kecil sahaja yang menjadi ahli skim (43%). Dapatan ini menggambarkan daripada 10 orang yang dijumpai hanya empat (4) orang sahaja yang menjadi anggota SRS. Dapatan yang diperolehi hanya mengeneralisasikan kepada kawasan yang telah dikenalpasti oleh pihak penaja. Bagaimana pula dengan senario yang sebenar?
2. Walau bagaimanapun, majoriti ahli komuniti menerima dengan baik idea penubuhan SRS di kawasan kejiranan mereka. Oleh yang demikian usaha perlu dipertingkatkan dalam menarik lebih ramai penyertaan di kalangan ahli komuniti.
3. Berdasarkan analisis deskriptif, kebanyakan ahli SRS terdiri daripada golongan lelaki dan ahli komuniti yang tinggal di kawasan luar bandar dan majoriti adalah daripada kaum Melayu.

4. Didapati bahawa 50 peratus ahli SRS terdiri daripada mereka yang mempunyai jawatan dalam persatuan penduduk dan 40 peratus ahli SRS merupakan individu yang mempunyai jawatan dalam Rukun Tetangga. Ini menggambarkan bahawa penyertaan ahli hanyalah di kalangan mereka yang mempunyai hubungan langsung dan aktif dengan Rukun Tetangga di kawasan kejiranan mereka.
5. Hasil analisis diskriptif ke atas persepsi responden terhadap konteks dan proses SRS secara keseluruhannya adalah tinggi (skor min bagi keseluruhan responden masing-masing ialah 3.80 dan 3.83 pada skala 1 hingga 5). Ini memberi gambaran awal bahawa falsafah dari segi pelaksanaan SRS telah dapat diterima dengan baik oleh anggota komuniti.
6. Dari segi tahap pengetahuan terhadap SRS, majoriti (75%) responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap SRS. Namun begitu, peratusan ahli SRS yang memberikan respon positif terhadap setiap item adalah lebih tinggi daripada bukan ahli SRS. Ini adalah suatu fenomena yang normal memandangkan sewajarnya ahli skim lebih arif mengenai pentadbiran dan pengurusan skim tersebut.
7. Sebahagian besar (lebih 70%) ahli SRS mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap SRS. Namun skor min keseluruhan menunjukkan tahap komitmen yang sederhana tinggi (min=2.88) di kalangan ahli SRS tersebut. Justeru penemuan ini merupakan gambaran yang positif terhadap penglibatan ahli terhadap aktiviti rondaan malam terhadap kawasan kejiranan mereka.
8. SRS didapati memberikan impak positif terhadap diri (ahli SRS), organisasi (ahli SRS) dan masyarakat (ahli dan komuniti setempat). Ini berdasarkan penemuan hasil deskriptif yang menunjukkan nilai skor min secara keseluruhan 2.90 —2.93 iaitu di tahap sederhana tinggi bagi setiap komponen.
9. Dari segi pola penyertaan dan keberkesanan SRS antara ahli dan bukan ahli SRS, analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap persepsi responden. Kajian mendapati ahli SRS mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap konteks SRS, proses SRS, keseluruhan SRS, pengetahuan berkaitan SRS dan keprihatinan terhadap SRS berbanding responden bukan ahli.

10. Bagi kategori lokasi (bandar dan luar bandar), hanya pemboleh ubah persepsi terhadap konteks SRS sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Responden bandar didapati mempunyai persepsi konteks SRS yang lebih tinggi berbanding dengan responder luar bandar yang mans menggambarkan responder bandar lebih bermaklumat daripada responder luar bandar.
11. Impak SRS terhadap diri mempunyai perhubungan yang positif dan signifikan dengan persepsi terhadap konteks SRS, persepsi terhadap proses SRS, persepsi terhadap keseluruhan SRS, keprihatinan terhadap SRS, dan komitmen terhadap SRS. Kelima-lima pemboleh ubah bebas tersebut juga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap impak SRS kepada organisasi dan masyarakat. Manakala, pemboleh ubah komitmen, keprihatinan, dan umur didapati mempengaruhi secara signifikan dan merupakan penyumbang utama kepada varian impak SRS terhadap diri.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

### **Penyertaan Komuniti dalam SRS**

1. Skim Rondaan Sukarela merupakan satu skim contoh yang mempunyai potensi untuk diserlahkan dalam keselamatan komuniti. Justeru itu, dicadangkan segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah skim dihebahkan kepada anggota komuniti sebagai salah satu bentuk promosi untuk menyedarkan mereka akan kewujudan skim tersebut di kawasan kejiranan mereka dan seterusnya merencanakan kempen-kempen kesedaran bagi menarik minat anggota komuniti tersebut untuk menyertai skim. Dalam perancangan program untuk promosi tersebut, mestilah mengambil kira elemen yang dapat menarik minat kaum Cina dan India untuk turut serta dalam skim tersebut.
2. Satu dapatan penting daripada temubuat lapangan bersama ahli komuniti (bukan ahli khususnya dan ahli amnya) mendapati bahawa mereka lebih mengenali SRS sebagai ronda malam. Oleh yang demikian, ada keperluan untuk membuat kempen-kempen kesedaran mengenai penjenamaan SRS itu sendiri. Ini penting bagi menyedarkan masyarakat umum akan kehadiran Skim Rondaan Sukarela dan apakah peranannya dalam komuniti setempat.

Peranan Skim Rondaan Sukarela ini harus dipertunjukkan lagi di mana mesej-mesej untuk menjaga keselamatan perlu dipergiatkan.

3. Pihak Jabatan dicadangkan untuk menganjurkan konvensyen tahunan untuk ahli SRS yang bertujuan untuk memberi penghargaan kepada ahli-ahli SRS yang berkhidmat di dalam skim ini untuk mengenang jasa dan bakti mereka menjaga keselamatan kampung. Diharap juga melalui konvensyen ini dapat menyerlahkan lagi status SRS di mata masyarakat umum.

### **Keselamatan dan Kesejahteraan Ahli SRS**

Hasil temubual dan pemerhatian lapangan bersama ahli-ahli skim rata-rata menyuarakan permasalahan yang sama bantuan kewangan, bekalan peralatan untuk rondaan dan juga keselamatan semasa bertugas. Berikut dicadangkan tindakan yang dapat diambil bagi mengatasi masalah tersebut:

1. Melaksanakan insurans berkelompok untuk semua terlibat dengan rondaan
2. Kelengkapan rondaan yang bersesuaian, mencukupi dan berfungsi dengan sempurna di antaranya jaket keselamatan, cota, tampu suluh, walkie talkie, wisel
3. Mengadakan jaringan dengan pihak berkuasa (polis, RELA, JKKK, bomba) yang berhampiran dengan kawasan kejiranan bagi mendapatkan kerjasama

### **Peningkatan Kecekapan Ahli**

Salah satu cara untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program adalah kemahiran yang dimiliki oleh individu tersebut. Justeru itu, bagi adalah amat penting untuk membekalkan kemahiran dan kecekapan yang sesuai kepada ahli rondaan bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Di samping itu juga ia merupakan satu penghargaan kepada mereka atas sikap sukarelawan mereka. Maka dicadangkan diadakan aktiviti seperti berikut dalam menantapkan dan memperkukuhkan kemahiran:

1. Siri-siri kepimpinan untuk ahli adalah penting bagi memastikan ahli komited dalam menjalankan tugas meronda dan juga untuk memastikan ahli mendapat tunjuk ajar yang betul dalam mengendalikan rondaan.

2. Siri lawatan ke pusat-pusat SRS yang berjaya untuk dijadikan model bagi mengurus pusat mereka
3. Latihan-latihan yang dapat meningkatkan kecekapan dan keupayaan ahli seperti seni pertahanan diri, pengurusan konflik, pengurusan keselamatan komuniti, kepimpinan dan pengurusan organisasi.

### **Keselamatan dan Kesejahteraan Komuniti**

Adaptasikan kawasan yang berbayar dengan pelaksanaan SRS. Sebagai contoh, kawasan perumahan terdapat 'security guard' di mana perkhidmatan mereka dibayar untuk setiap bulan. Adaptasi yang boleh dilaksanakan di dalam SRS ini ialah di mana penduduk yang mendiami di sesebuah kawasan perumahan ataupun kampung disarankan menyumbangkan kewangan kepada ahli-ahli SRS bagi menampung keperluan untuk rondaan malam. Ini penting kerana ahli-ahli SRS yang bertugas meronda di waktu malam terdedah dengan risiko yang besar untuk menangani penjenayah. Sumbangan kewangan ini hanyalah sumbangan kecil jika dibandingkan dengan nyawa ahli-ahli yang meronda malam.

### **Pengurusan dan Pentadbiran**

Pegawai Perpaduan Daerah perlu mengadakan lawatan secara berkala ke pusat-pusat SRS yang ada. Ini kerana kunjungan dari pegawai dari JPNIN boleh memberi SRS bimbingan serta semangat untuk terus bersama-sama menjaga keselamatan kampung masing-masing.

### **Implikasi Polisi**

Berikut dicadangkan lima (5) implikasi polisi hasil daripada kajian ini:

1. Audit luar daripada badan bebas untuk menilal keberkesanan program
2. Penilaian sernula cuti tanpa rekod bagi ahli SRS
3. Data khas untuk aktiviti SRS setiap tahun bersesuaian dengan aktiviti pusat tersebut
4. Jawatankuasa induk di jabatan melibatkan wakil SRS dalam perbincangan secara berkala
5. Menyedia dan melengkapkan pangkalan data pusat-pusat SRS dan maklumat mengenai keahlian setiap pusat tersebut memudahkan urusan pemantauan.